

LAPORAN TAHUNAN 1995

*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
daripada
Ketua Pengarah
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan
Taman Negara*

Perpustakaan
I. P. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar
dan Taman Negara (PERHILITAN)
KM 10 Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-9052872 Fax: 03-9052873

**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR
DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN)
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN
ALAM SEKITAR
MALAYSIA**

Di samping itu spesimen serangga juga ditangkap dan diawet kering untuk dijadikan spesimen koleksi rujukan. Spesimen koleksi serangga rujukan ini adalah untuk membantu di dalam pemeriksaan dan identifikasi kandungan makanan mamalia kecil yang terdiri daripada serpihan-serpihan serangga. Di sepanjang tahun ini sebanyak 1221 ekor koleksi spesimen serangga telah diperolehi dari enam lokasi kajian di atas yang terdiri dari 12 Order dan 58 Famili.

Mamalia kecil seperti tupai dan tupai moncong ditangkap dengan menggunakan perangkap berumpan pisang manakala kelawar ditangkap dengan menggunakan jaring yang dipasang pada tiang aluminium, manakala serangga ditangkap dengan menggunakan jaring dan perangkap cahaya yang dipasang dengan menggunakan sumber tenaga dari generator.

Spesies-spesies mamalia kecil dan pelbagai jenis-jenis serangga yang diperolehi untuk kajian ini adalah seperti di Jadual 18.

Penyelidikan Badak Sumatra

Bagi tahun 1995, Unit Penyelidikan badak Sumatra (UPBS) telah menjalankan survei/inventori di beberapa kawasan yang bertujuan untuk mengetahui taburan dan populasi badak sumatra. Pihak GEF-UNDP telah menjadi penaja untuk menjalankan kerja-kerja survei/inventori ini di samping pihak Jabatan PERHILITAN sendiri.

Selain daripada menjalankan survei/inventori ke atas kawasan yang pernah disurvei/inventori, beberapa kawasan baru juga telah dikenalpasti adanya badak sumatra. Berikut adalah kawasan-kawasan kajian yang telah disurvei/inventori:

Jadual 19 : Kawasan-kawasan yang disurvei/inventori sepanjang tahun 1995

Tarikh	Lokasi	Bilangan badak yang dikesan
14 - 23 Jan.	Sungai Selai & Bukit Sengongong, Endau - Rompin	2
14 - 19 April	Bukit Toreh & Gunung Janing, Endau - Rompin	-
17 - 22 Mei	Bukit Kabut, H.S. Temengor, Hulu Perak	1
14 - 20 Jun	Gunung Pertawai & Padang Temambong, Endau - Rompin	-
18 - 22 Julai	Sira Papan, H.S. Temengor, Hulu Perak	-
24 - 30 Ogos	Sungai Kimchin, Endau - Rompin	2
21 - 27 Sept.	Gunung Chamah, H.S. Balah, Gua Musang	3
9 - 14 Okt.	Ulu Sungai Alok, Taman Negara	-
25 - 31 Okt.	Jenut Segantung, Taman Negara	-

Jadual 18 : Spesimen perut mamalia kecil dan koleksi serangga rujukan

Haiwan	Bulan												Total		
	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November						
TUPAI MONCONG															
1. <i>Tupaia glis</i>	-	-	-	-	3	3	-	2	-	-	-	-	-	-	8
TUPAI															
1. <i>Callosciurus notatus</i>	-	-	-	-	2	1	3	-	-	-	-	-	-	-	6
2. <i>Callosciurus nigrovittatus</i>	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1
JUMLAH													15		
KELAWAR PEMAKAN SERANGGA															
1. <i>Pipistrellus stenopterus</i>	-	-	-	-	17	-	-	20	-	-	-	-	-	-	37
2. <i>Kerivoula papillosa</i>	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
3. <i>Rhinolophus trifoliatus</i>	-	8	-	2	3	-	3	-	-	-	-	-	-	-	16
4. <i>Megaderma spasma</i>	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1
5. <i>Taphozous melanopogon</i>	-	23	-	-	-	7	-	-	-	-	-	-	-	-	30
6. <i>Kerivoula hardwickii</i>	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	1
7. <i>Tadanda mops</i>	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	1
8. <i>Rhinolophus spp</i>	2	-	-	-	-	27	-	-	-	-	-	-	-	-	29
JUMLAH													116		

sambungan Jadual 18

Haiwan	Bulan												Total		
	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Jumlah					
KELAWAR PEMAKAN BUAH															
1. <i>Eonycteris spelaea</i>	-	4	-	-	2	-	1	3	-	-	-	10			
2. <i>Cynopterus brachyotis</i>	-	1	-	-	-	-	25(-2)	-	-	-	26				
3. <i>Megaerops ecaudatus</i>	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1				
4. <i>Myotis spp</i>	24	-	6	-	-	-	1	-	-	-	31				
5. <i>Murina spp.</i>	-	-	-	22	-	-	-	11	-	-	33				
											101				
SERANGGA															
1. <i>Lepidoptera</i>	61	20	81	59	65	7	46	81	180	-	600				
2. <i>Coleoptera</i>	35	16	17	58	12	20	6	33	9	-	206				
3. <i>Hymenoptera</i>	36	5	2	29	5	-	3	32	65	-	177				
4. <i>Homoptera</i>	3	-	5	-	5	-	-	13	10	-	36				
5. <i>Orthoptera</i>	9	6	1	10	9	6	-	13	12	-	66				
6. <i>Odonata</i>	14	2	1	4	-	-	3	3	2	-	29				
7. <i>Blattaris</i>	-	-	6	2	5	-	-	2	-	-	15				
8. <i>Diptera</i>	3	5	3	1	1	6	3	4	5	-	31				
9. <i>Mantodea</i>	2	-	1	-	2	1	-	5	4	-	15				
10. <i>Neuroptera</i>	-	-	-	1	-	-	-	2	-	-	3				
11. <i>Phasmida</i>	-	-	-	-	-	-	7	-	-	-	7				
12. <i>Hemiptera</i>	15	-	4	4	-	-	2	4	7	-	36				
	178	54	121	168	104	40	70	192	294	192	1221				

UPBS juga telah menghadiri bengkel Malaysian Rhino Population and Habitat Viability Analysis (PHVA) pada 27 - 28 November bertempat di Sandakan, Sabah. Antara lainnya bengkel ini membincangkan teknik-teknik penyelidikan badak sumatra serta cara mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul sepanjang penyelidikan tersebut.

Secara keseluruhan bilangan badak sumatra yang terdapat di Semenanjung Malaysia sehingga tahun 1995 dianggarkan di antara 50 - 70 ekor sahaja. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kawasan-kawasan baru dan lama yang masih belum disurvei/inventori. Kemungkinan bilangan ini akan bertambah.

Perpustakaan

Sepanjang tahun 1995 Unit Perpustakaan tidak dapat memberikan perkhidmatan yang sepenuhnya memandangkan penganti kepada Pembantu Perpustakaan Kanan yang telah bersara melaporkan diri hanya pada bulan September 1995. Walau bagaimanapun, perkhidmatan asas diteruskan dengan dibantu oleh seorang Pembantu Hidupan Liar. Koleksi perpustakaan telah meningkat sebanyak 3000 naskah buku dan kertas seminar, 25,000 keping slaid, 39 filem 16 mm, 70 pita video, 153 keping peta topo dan 36 keping pelan bangunan dan Taman Negara. Pada keseluruhannya purata pengguna perpustakaan adalah lebih kurang 250 orang sebulan, yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan, para penyelidik hidupan liar tempatan dan luar negara, pelajar-pelajar sekolah, penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi dan orang perseorangan.

Kaunter Ekotourism di MATIC

Kaunter Ekotourism di MATIC yang terletak di Kompleks Jalan Ampang dibuka dengan tujuan untuk memberi penerangan mengenai Taman Negara kepada pelawat-pelawat. Pembantu Hidupan Liar telah ditempatkan di situ untuk memenuhi keperluan seperti yang dikehendaki oleh pihak Jabatan. Di sepanjang tahun 1995 seramai 1900 orang pelawat daripada 27 buah negara telah datang untuk meminta maklumat mengenai Taman Negara. Warganegara British dan Jerman merupakan kumpulan luar negara yang ramai mengunjungi kaunter tersebut.

PENGURUSAN HIDUPAN LIAR

GANGGUAN HIDUPAN LIAR

Dengan kepesatan pembangunan yang berlaku di semua negeri di Semenanjung Malaysia, masalah gangguan hidupan liar juga terus meningkat. Tugas untuk mengatasi masalah gangguan hidupan liar ini semakin mencabar bagi kakitangan jabatan. Seperti tahun lalu dua spesies yang menjadi punca gangguan yang serius ialah gajah dan kera. Tiga negeri mengalami gangguan gajah yang serius iaitu Johor, Pahang dan Kelantan. Gangguan kera berlaku di kesemua negeri. Pelbagai cara digunakan untuk mengatasi masalah gangguan ini seperti tangkap/pindah, tembak/halau, tembak/mati, pemasangan perangkap dan lain-lain. Selain daripada itu gangguan spesies hidupan liar yang lain juga berlaku, seperti ular sawa, musang, babi hutan, harimau, kelawar dan lain-lain.

Tangkap/Pindah Gajah

Sejumlah 26 ekor gajah iaitu 16 ekor di negeri Johor, lapan ekor di negeri Pahang dan dua ekor di negeri Kelantan telah ditangkap di sepanjang tahun. Daripada jumlah ini sebanyak 20 ekor telah dipindahkan iaitu 10 ekor di kawasan Taman Negara Terengganu dan 10 ekor ke kawasan Taman negeri Endau Rompin.

Sebanyak dua ekor anak gajah telah dihantar ke Projek Pengurusan Gajah Kuala Gandah untuk dijinakan. Di samping itu empat ekor gajah telah mati semasa proses tangkapan. Kematian ini disebabkan oleh masalah kesukaran pernafasan semasa kerja-kerja tangkapan ataupun ditembak mati kerana cuba menyerang kakitangan. Di Projek Pengurusan Gajah Kuala Gandah kini terdapat tiga ekor gajah denak dan 6 ekor anak gajah dipelihara.

PEMULIHARAAN BURUNG-BURUNG LAUT, KUALA GULA

Di sepanjang tahun 1995, kerja-kerja menjaring dan menggelang burung laut telah dijalankan di dua kawasan iaitu pantai Kuala Kurau dan pantai Bagan Tiang, Perak. Sejumlah 580 ekor burung daripada 29 spesies telah digelang, 13 ekor daripadanya telah ditangkap semula.

Bancian burung Upeh dan Botak Kecil merupakan aktiviti bulanan yang dilakukan oleh kakitangan projek Kuala Gula. Ini dilakukan secara

pemerhatian langsung menggunakan bot di sepanjang persisiran pantai berlumpur dan pulau-pulau hutan paya bakau di Hutan Simpan Matang, Perak. Ia bertujuan untuk mengetahui anggaran bilangan kedua-dua spesies burung tersebut di kawasan itu. Bilangan tertinggi bagi burung Upoh direkodkan ialah sebanyak 42 ekor iaitu di pulau Kelompang dan bagi burung Botak Kecil pula adalah 37 ekor.

Bagi tahun ini burung Kuak di dapati bersarang dan bertelur di Parit Husin, Bagan Serai, Perak. Musim bertelur bagi tahun ini ialah daripada akhir bulan Oktober 1994 hingga Februari 1995 dan bulan Mei hingga September 1995. Di anggarkan terdapat lebih kurang 10,000 ekor burung dewasa di kawasan persarangan tersebut pada setiap musim bertelur. Kerja-kerja pengawalan dilakukan oleh kakitangan projek Kuala Gula bagi mengelakkan gangguan penduduk tempatan terhadap telur dan anak-anak burung kuak yang belum matang. Di samping itu, kerja-kerja menggelang anak-anak burung kuak telah dijalankan. Sebanyak 788 ekor anak-anak kuak telah digelang dan diambil data morfologinya. Anak-anak burung kuak yang digelang adalah pada peringkat umur bulu pahat, antara bulu pahat dan bulu penuh serta bulu pahat.

Pengurusan Badak Sumatra

Tiga buah negeri yang masih aktif menjalankan aktiviti pengurusan badak ialah Johor, Perak dan Kelantan.

Di Kelantan, kawasan-kawasan yang dijalankan pengurusan badak ialah di Ulu Sungai Terang, Jeli, Ulu Sungai Renyok, Jeli Ulu Sungai Depak Kuala Krai dan Ulu Sungai Sok Kuala Krai. Sementara pengurusan badak di Perak pula tertumpu di kawasan Hutan Simpan Bintang Hijau, Selama dan kawasan Hutan Belum, Grik.

Di Johor pula kakitangan yang ditempatkan di daerah Segamat dan Kluang menjalankan kerja-kerja pengurusan di kawasan hutan Simpan Labis dan Endau-Rompin. Semasa kerja-kerja pengurusan dijalankan kakitangan akan mengambil kesan-kesan tapak kaki, najis dan tinggalan-tinggalan lain seperti bangkai dan sebagainya.

Pengurusan Harimau

Unit Pengurusan Harimau menjalankan tugas-tugas pengurusan ke atas harimau belang, kumbang, dahan dan kucing liar di Terengganu, Kelantan dan Pahang. Negeri-negeri lain seperti Perak, Johor dan Negeri Sembilan hanya menjalankan kerja-kerja pengawalan.

Pada 25hb. September sehingga 8hb. Oktober 1995 Unit Pengurusan

Harimau Ibu Pejabat telah mengendalikan kursus anjuran bersama antara Jabatan PERHILITAN dan World Wide Fund for Nature Malaysia. Kursus itu adalah 'Training Course on Tiger and Its Prey Species'. Para peserta mewakili negara-negara seperti Vietnam, Kemboja, Burma dan Malaysia.

Pengurusan Rezab dan Taman Negara

Jabatan pada masa ini menguruskan sepenuhnya enam kawasan yang bertaraf Rezab Hidupan Liar, Santuari Hidupan Liar dan Taman Negara. Keluasan keenam-enam kawasan itu ialah 494,204 ha. Seperti juga tahun lepas masalah pencerobohan haram juga menjadi satu masalah yang serius. Kerjasama dari pihak Jabatan PERHILITAN Negeri dan Projek-projek PERHILITAN telah dilakukan untuk mengatasi masalah pencerobohan. Pihak Polis juga telah diminta untuk mengatasi masalah pencerobohan, terutama penceroboh-penceroboh dari negara jiran yang mencari kayu gaharu dan binatang liar. Selain daripada itu Unit ini juga menjalankan kerja-kerja memasang papan tanda di sempadan Taman Negara.

Lalaun Jip, Merapoh

Sepanjang tahun 1995 sejumlah 1892 orang pelancong telah melawat kawasan ini bertujuan mendaki Gunung Tahan, berkelah di sekitar Kuala Juram dan kawasan sekitar sepanjang laluan jip. Di samping itu ada beberapa buah agensi yang mengadakan hari keluarga di tempat ini.



Pemandangan di Taman Negara Merapoh Laluan Jip